

[THE PRACTISE OF BRIDAL SHOWER IN THE MALAY-MUSLIM WEDDING CEREMONY ACCORDING TO ISLAMIC LAW]

AMALAN BRIDEL SHOWER DALAM MAJLIS PERKAHWINAN MELAYU ISLAM MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

ANIS MURSYIDA SABRI¹
 MOHD ANUAR RAMLI^{1*}

¹ Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universitiy Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: mohdanuar@um.edu.my

Received Date: 7 November 2020 • Accepted Date: 15 December 2020

Abstract

Bridal shower is one of the current trends in wedding ceremony. It has been adapted from a western culture and practiced by some community in Malaysia. Basically, it has celebrated specially for the bride who will step into the wedding phase. In the practice of bridal shower, there is an issue of Islamic law that needs to be distinguished as this practice is copying from foreign cultures. Thus, this study discusses a practice of bridal shower that is increasingly widespread among the Malaysian Muslim community and its relation to the aspect of tashabbuh (imitation) to a western culture because it's originally has practiced among western community. To achieve this objective, a library-based and qualitative study has used to collect data on bridal shower practices. The result shows that there is an issue of tashabbuh (imitation) to western culture in practising bridal shower by the Muslim community. The existence of this issue has an influence on Islamic law in the practice of bridal shower whether it should be practiced or prohibited.

Keywords: Malay, culture, wedding, imitation, Islamic law.

Abstrak

Penganjuran bridal shower merupakan salah satu trend terkini dalam majlis perkahwinan yang diadaptasi dari budaya barat dan diamalkan oleh sebagian masyarakat di Malaysia. Lazimnya, ia disambut bagi meraikan bakal pengantin perempuan yang akan melangkah ke gerbang perkahwinan. Dalam amalan bridal shower terdapat isu hukum Islam yang diperhalusi ekoran ia adalah peminjaman daripada budaya luar. Justeru, kajian ini membincangkan tentang amalan bridal shower yang semakin menular dalam kalangan masyarakat khususnya di Malaysia dan kaitannya dengan aspek tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat. Hal ini berikutan amalan bridal shower merupakan sebuah praktik budaya barat. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif berbentuk kepustakaan digunakan bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan amalan bridal shower. Hasil kajian mendapat terdapat isu tashabbuh (penyerupaan)

terhadap budaya barat dalam amalan yang dilakukan oleh masyarakat Islam. Kewujudan isu ini memberi kesan terhadap penentuan hukum Islam bagi amalan bridal shower sama ada ia harus diamalkan atau haram.

Kata kunci: Melayu, budaya, perkahwinan, tashabbuh, hukum Islam.

Cite as: Anis Mursyida Sabri & Mohd Anuar Ramli. 2020. Amalan Bridal Shower dalam Majlis Perkahwinan Melayu Islam Menurut Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 149-164

PENGENALAN

Asasnya, perkahwinan merupakan tuntutan agama yang berdimensi ibadat dan sosial. Ini kerana arahan perkahwinan adalah bagi memenuhi kesempurnaan iman. Manakala dalam dimensi sosial, perkahwinan adalah proses pemakluman dan pengisytiharan kepada masyarakat tentang kehadiran anggota keluarga baharu dalam masyarakat. Dengan itu, perkahwinan merupakan suatu amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat di serata dunia mengikut cara dan budayanya tersendiri. Ia merupakan suatu proses di dalam masyarakat bagi menandakan penyatuan dua jiwa dan wujudnya ikatan yang halal di antara lelaki dan perempuan. Di Malaysia, majlis perkahwinan yang berlangsung bukan hanya diisi dengan adat dan budaya Melayu sendiri malah turut dihiasi dengan pelbagai budaya lain kesan daripada penularan pengaruh-pengaruh luar ke dalam adat perkahwinan Melayu. Antara budaya terkini yang turut menghiasi adat perkahwinan di Malaysia ialah amalan bridal shower yang pada asalnya dilakukan oleh orang barat. Pengadaptasian amalan ini ke dalam adat perkahwinan Melayu telah menimbulkan isu tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti aspek tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat yang terdapat dalam amalan bridal shower.

REALITI PENGANJURAN BRIDAL SHOWER DI MALAYSIA

Dewasa ini, amalan bridal shower semakin menular dalam kalangan masyarakat (Haryono et al., 2020) termasuklah di Malaysia (Syh Noorul Madihah, 2017). Pertumbuhan pesat media sosial dilihat merupakan di antara platform penyebaran amalan ini kepada masyarakat awam. Di tambah pula dengan sikap obsesi segelintir masyarakat yang gemar mengikuti trend-trend terkini khususnya yang bersumber dari barat. Hal ini kerana, budaya barat sering dianggap sebagai sebuah budaya moden dan kontemporari.

Di Malaysia, amalan bridal shower mula dipraktikkan oleh sebahagian artis wanita yang meniru konsep penganjuran bridal shower dari praktik orang barat. Penganjuran amalan tersebut kemudian dimuat naik ke media-media sosial seperti *facebook*, *instagram*, *twitter* dan lain-lain lagi untuk dikongsikan kepada masyarakat awam khususnya para peminat. Secara tidak langsung, ia menarik perhatian segelintir golongan masyarakat untuk mengetahui dan mengenali dengan lebih lanjut akan amalan tersebut. Jika diperhatikan, konsep penganjuran bridal shower di Malaysia tidak jauh bezanya jika dibandingkan dengan amalan bridal shower di barat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi beberapa perkara. Pertama, dari segi tetamu

jemputan, kebanyakannya hanya melibatkan ahli keluarga serta teman-teman rapat yang terdiri dari kaum wanita sahaja dan ada juga yang turut mengundang golongan lelaki. Selain itu, ia turut diraikan dalam pelbagai bentuk bergantung kepada pilihan penganjur atau bakal pengantin itu sendiri. Dalam pada itu, penganjuran bridal shower di Malaysia tidak kurang meriahnya jika dibandingkan dengan amalan bridal shower di barat. Ia sering dianjurkan secara besar-besaran di tempat-tempat eksklusif dan mewah. Misalnya di spa, hotel, restoran dan lain-lain lagi.

Dalam pada itu, amalan bridal shower yang dianjurkan khususnya di Malaysia lebih bersifat untuk meraikan bakal pengantin perempuan itu sendiri di samping untuk meluangkan masa bersama sahabat handai sebelum bertukar status. Hal ini dilihat berbeza sekali dengan konsep bridal shower pada zaman awal kemunculannya dahulu. Sedangkan, di barat pula, pada awal kemunculannya dahulu, amalan bridal shower dilihat sebagai majlis yang memberikan beribu makna khususnya kepada bakal pengantin perempuan. Hal ini kerana, mereka amat bergantung harap pada hadiah yang akan diberikan oleh para tetamu. Hadiah-hadiah tersebut secara langsung dapat membantu dalam menyediakan kelengkapan rumah baharu serta dapat menampung bayaran mas kahwin. Berbeza dengan tujuan penganjuran bridal shower pada hari ini, ia lebih berkisar untuk memberikan kenangan dan pengalaman kepada bakal pengantin perempuan yang akan mendirikan rumah tangga bersama teman-teman rapat dan ahli keluarga terdekat (Jenkins, 2000).

Jelasnya, penganjuran amalan bridal shower oleh sebilangan masyarakat Malaysia tidak dapat lari dari terselitnya unsur penyerupaan terhadap budaya barat. Walaupun tidak dinafikan, wujud sedikit perbezaan di dalam pengisian dan bentuk pengamalannya.

KONSEP BRIDAL SHOWER

Istilah bridal shower terdiri dari dua perkataan iaitu bridal dan shower. Secara literalnya, perkataan bridal merujuk kepada pengantin perempuan atau perempuan yang akan berkahwin (Kamus Dewan, 2020). Manakala, shower pula bermaksud dihujani dan disirami (Collins Dictionary, 2020). Dalam erti kata lain, bakal pengantin perempuan akan disirami dan dihujani dengan pelbagai hadiah yang diberikan oleh para tetamu. Menurut Kamus Inggeris-Melayu Dewan (2020), istilah bridal shower pula merujuk kepada majlis untuk meraikan bakal pengantin perempuan menjelang hari perkahwinan yang dihadiri oleh keluarga dan sahabat handai dengan membawa hadiah.

Secara umumnya, bridal shower dianjurkan bagi meraikan bakal pengantin perempuan. Kebiasaannya, ahli keluarga dan kenalan rapat akan berkumpul dalam suasana yang tidak formal seterusnya ‘menyirami’ dan memberikan hadiah kepada bakal pengantin perempuan yang diraikan. Penganjuran amalan ini turut diselitkan dengan jamuan makan, slot perkongsian pandangan di antara para tetamu dan juga bakal pengantin perempuan khususnya berkaitan alam perkahwinan dan juga berpeluang menyaksikan bakal pengantin membuka hadiah yang diberikan oleh para tetamu (Febriana et al., 2019). Bukan sekadar itu, amalan ini turut diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti kuiz, permainan dan lain-lain yang bersangkutan paut dengan bakal pengantin atau fasa baru yang bakal ditempuhi pasangan pengantin iaitu alam perkahwinan (Montemurro, 2005).

Asasnya, bridal shower merupakan sebuah majlis keraian yang hanya melibatkan penyertaan kaum wanita sahaja terdiri daripada kenalan rapat dan ahli keluarga terdekat yang

tertentu sahaja. Lazimnya, amalan ini dianjurkan oleh seorang atau lebih rakan perempuan yang juga merupakan ‘bridesmaid’ di majlis perkahwinan nanti (Jenkins, 2000). Menyentuh mengenai bentuk dan konsep penganjurannya pula, ia adalah pelbagai bergantung kepada pihak penganjur. Ada yang memilih untuk mengadakannya di tempat makan, spa, rumah, dan sebagainya bergantung kepada tema masing-masing.

Menurut budaya barat, amalan bridal shower juga dikaitkan dengan salah satu daripada ritual iaitu ritual pra perkahwinan yang diadakan bagi mempersiapkan bakal pengantin perempuan dalam menghadapi peralihan status kepada seorang isteri. Selain itu, penganjurannya juga merupakan tanda persetujuan dan sokongan orang sekeliling terhadap status barunya (Wagner, 2015). Oleh itu, amalan bridal shower juga merupakan contoh ritual yang menggambarkan peralihan status seseorang individu daripada bujang kepada berkahwin (Montemurro, 2002). Ironinya, ritual peralihan status ini disebut sebagai rite of passage. (Berardo & Vera, 1981)

LATAR BELAKANG AMALAN BRIDAL SHOWER

Amalan bridal shower merupakan sebuah ritual yang bermula sejak abad ke-16 di barat Eropah. Secara tradisinya, amalan ini merujuk kepada acara atau majlis yang dianjurkan khusus oleh kaum wanita bagi meraikan induvidu yang bakal berkahwin (Montemurro, 2005). Menurut susur galur sejarah, seorang wanita berbangsa Belanda ingin mengahwini seorang pekerja kilang namun hajatnya ditentang oleh ayahnya. Hal ini kerana dibimbangi lelaki tersebut tidak mampu untuk menyara hidup anaknya. Oleh itu, si ayah menolak untuk menyediakan wang hantaran (dowry) buat anak perempuannya untuk diberikan kepada lelaki tersebut dan keluarganya. Simpati dengan nasib yang menimpa wanita tersebut, rakan-rakannya lalu mengumpulkan hadiah sebagai ganti kepada mas kahwin bagi merealisasikan perkahwinan dengan lelaki pilihannya (Montemurro, 2002). Hadiah yang diberikan adalah berbentuk barang kelengkapan rumah untuk kegunaan pasangan pengantin kelak (Naomi Njonjo, 2013).

Seterusnya, amalan ini dipercayai berkONSEP sistem mas kahwin (dowry) lama iaitu pemberian perkahwinan berupa barang berharga atau wang tunai daripada keluarga pengantin perempuan kepada keluarga pengantin lelaki (Hasbi Muh. Ali, 2013). Namun begitu, tidak kesemua keluarga mempunyai kewangan yang kukuh untuk menampung mas kahwin untuk diberikan kepada keluarga bakal pengantin lelaki. Sebagai inisiatif untuk membantu bakal pengantin perempuan, ahli keluarga terdekat dan kenalan rapat akan menyumbangkan hadiah bagi membantunya menyediakan mas kahwin.

Bertitik tolak dari itu, amalan bridal shower mula tersebar dan diperaktikkan di banyak negara antaranya di Amerika Syarikat. Penganjuran bridal shower pertama di Amerika Syarikat telah direkodkan pada 1900 dahulu (Wagner, 2015). Dalam pada itu, perkataan ‘shower’ pula mula digunakan pada tahun 1890 apabila ahli keluarga serta rakan-rakan bakal pengantin perempuan meletakkan hadiah-hadiah yang dikumpulkan di dalam payung yang lalu dibuka di atas kepala pengantin perempuan. Ia kelihatan seolah-olah bakal pengantin perempuan disirami dengan hadiah-hadiah tersebut (Naomi Njonjo, 2013).

TUJUAN PENGANJURAN BRIDAL SHOWER

Setiap ritual atau amalan yang dipraktikkan sudah semestinya mempunyai tujuan dan objektif tersendiri. Tidak terkecuali bagi amalan bridal shower. Terdapat beberapa tujuan amalan bridal shower dianjurkan dalam kalangan masyarakat di serata dunia. Namun, tujuan penganjuran bridal shower pada masa kini dilihat sedikit berbeza berbanding pada awal kemunculannya. Berikut merupakan lima tujuan penganjuran bridal shower:

- 1) Bridal shower sebagai tanda peralihan status.

Ritual peralihan status atau disebut sebagai rite of passage merupakan sebuah ritual yang menandakan peralihan daripada satu status sosial kepada status sosial yang lain. Amalan bridal shower boleh dikategorikan di dalam ritual ini berikutan ianya meraikan kenaikan status seseorang di samping menguar-uarkannya kepada masyarakat sekeliling akan status barunya. Lebih tepat lagi, ia menandakan peralihan status bakal pengantin perempuan yang bakal berpindah status daripada bujang kepada berkahwin (Montemurro, 2002).

- 2) Bridal shower sebagai alternatif kepada mas kahwin (dowry).

Pada awal kemunculannya di abad ke-16, amalan bridal shower dijadikan sebagai alternatif bagi mendapatkan mas kahwin untuk bakal pengantin perempuan. Bertitik tolak dari keengganan si bapa untuk menyediakan mas kahwin bagi pihak anak perempuannya kerana menentang perkahwinan tersebut. Simpati dengan nasibnya, kenalan rapat mulai mengambil inisiatif mengumpulkan hadiah bagi membolehkan pasangan tersebut berkahwin sekali gus mempunyai mas kahwin untuk diberikan kepada pengantin lelaki dan keluarganya (Montemurro, 2005). Hal ini sinonim dengan konsep bridal shower di awal kemunculannya dahulu iaitu suatu majlis pemberian hadiah kepada bakal pengantin. Mas kahwin (dowry) pula merupakan wang yang diberikan oleh pengantin perempuan kepada pengantin lelaki untuk membangunkan rumah dan kehidupan baru (Naomi Njonjo, 2013). Ia dipercayai berasal daripada masyarakat hindu yang berkasta tinggi (Oldenburg, 2002).

Namun, bagi masyarakat di Malaysia yang majoritinya menganut agama Islam, tujuan penganjuran bridal shower bukanlah sebagai alternatif untuk membantu bakal pengantin perempuan menyediakan mas kahwin. Hal ini kerana pada hakikatnya, mas kahwin menurut Islam ialah harta yang wajib diberikan oleh seorang suami kepada isterinya semasa akad nikah sama ada ianya disebut di dalam akad atau tidak. Berbeza sekali dengan pemahaman mengenai mas kahwin yang dipegang oleh masyarakat Hindu. Tuntasnya, pemahaman mengenai mas kahwin menurut masyarakat Hindu amat berbeza dengan ajaran Islam. Maka, penganjuran amalan bridal shower semata-mata kerana ingin membantu bakal pengantin perempuan menyediakan mas kahwin sama sekali tidak wujud dalam kalangan masyarakat Islam kerana pemberian mas kahwin merupakan tugas dan kewajipan bagi pihak pengantin lelaki ('Abd al-Karim Zaidan, 1993).

3) Memberi hadiah kepada bakal pengantin

Mengikut tradisi turun-temurun, tumpuan utama majlis bridal shower adalah acara membuka hadiah yang diberikan oleh para tetamu kepada bakal pengantin. Pemberian hadiah pula merupakan suatu acara yang wajib ada dalam sesbuah majlis bridal shower (Wagner, 2015). Bahkan antara aktiviti utama dan yang dinanti-nantikan khususnya bakal pengantin ialah upacara membuka hadiah sambil disaksikan oleh para tetamu (Montemurro, 2005). Lazimnya, hadiah yang diberikan adalah berupa barang kelengkapan rumah sebagai persediaan sejurus melangkah ke alam rumah tangga sekaligus bagi membantu bakal pasangan pengantin membina rumah baru. Amalan pemberian hadiah di dalam majlis bridal shower diteruskan sehingga ke hari ini dan hadiah yang diberikan pula adalah seperti kelengkapan dapur, bilik air dan bilik tidur (Naomi Njonjo, 2013).

4) Bridal shower sebagai majlis untuk meraikan sahabat yang bakal berkahwin.

Bridal shower merupakan suatu majlis yang dianjurkan untuk meraikan bakal pengantin perempuan yang bakal memasuki alam rumah tangga sekali gus bakal merangkul title isteri. Amalan ini dirai dalam pelbagai bentuk dan tema bergantung pada pilihan pihak pengajur atau kehendak pengantin itu sendiri. Penganjuran amalan bridal shower boleh dianggap sebagai tempat di mana ahli keluarga dan rakan-rakan wanita khususnya menzahirkan rasa ambil berat terhadap bakal pengantin perempuan (Montemurro, 2002). Di samping meraikan bakal pengantin, penganjuran bridal shower juga membuka ruang dan peluang kepada bakal pengantin perempuan untuk meluangkan masa bersama ahli keluarga dan rakan-rakan sebelum memegang gelaran isteri. Dalam pada itu, majlis sebegini dapat membantu meredakan keserabutan dan kesibukan menguruskan hari perkahwinan sekali gus dapat merehatkan minda bakal pengantin seketika daripada memikirkan soal hari perkahwinannya. Justeru, bridal shower dilihat sebagai satu alternatif untuk bakal pengantin berehat dan bergembira bersama rakan-rakan dalam suasana yang tidak formal. Secara tidak langsung, penganjuran majlis sebegini juga dapat memperkuatkan ikatan persahabatan bakal pengantin yang diraikan bersama kenalan-kenalan rapatnya (Naomi Njonjo, 2013).

5) Bridal shower sebagai medium perkongsian pandangan mengenai alam perkahwinan.

Hari perkahwinan merupakan suatu yang amat dinanti-nantikan oleh pasangan pengantin. Dalam keghairahan memegang status suami atau isteri, amatlah penting bagi pasangan mempelai untuk melengkapkan diri dengan serba sedikit ilmu mengenai alam rumah tangga. Majlis bridal shower dilihat sebagai salah satu majlis yang membuka peluang untuk bertanyakan soalan berkaitan perkahwinan dalam suasana yang tidak formal. Ia merupakan peluang terbaik bagi bakal pengantin untuk mendapatkan pandangan serta meminta para tetamu untuk berkongsi pengalaman mengenai alam rumah tangga (Naomi Njonjo, 2013).

ISU TASHABBUH (PENYERUPAAN) TERHADAP BUDAYA BARAT

Istilah tashabbuh merupakan kata terbitan (masdar) daripada kata kerja tashabbaha yang bermaksud penyerupaan kepada sesuatu dan persamaan pada warna dan sifat. Disebut juga shibh, shabah, dan shabih (Ahmad Faris, 1411H). Menurut al-Raghib al-Asfahani (2009), tashabbuh bermaksud persamaan dari segi warna, bau, keadilan, kezaliman serta kekeliruan sehingga tidak dapat membezakan di antara salah satu dari dua perkara kerana wujud persamaan dari segi ‘ayn dan makna.

Manakala, dari segi istilah pula, menurut al-Munawi (1408H) dalam menjelaskan hadis Ibn Umar yang bermaksud “Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk sebahagian daripada kaum tersebut”. Penyerupaan yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut ialah berhias sebagaimana mereka berhias, berusaha mengenali perbuatan mereka, berakhlik sebagaimana akhlak mereka, berjalan sebagaimana mereka berjalan serta menyerupai mereka dalam cara berpakaian dan sebahagian perbuatan mereka. Selanjutnya, jika dilihat pada takrifan kontemporari pula, tashabbuh bermaksud meniru atau menyerupai orang kafir pada pegangan, ibadat, akhlak atau terhadap apa yang dikhususkan kepada mereka (Wardah Ghamam ‘Ali, 2015).

Jika diteliti, kesemua takrifan tashabbuh yang telah disebutkan diatas mempunyai persamaan dan tidak jauh bezanya diantara satu sama lain. Takrifan menurut al-Raghib al-Asfahani (2009) menekankan bahawa tashabbuh terjadi apabila terdapat persamaan di antara dua perkara sehinggakan tidak dapat dibezakan diantara dua perkara tersebut. Manakala takrifan menurut al-Munawi pula dilihat lebih jelas dan nyata kerana disebutkan secara langsung mengenai aspek-aspek tashabbuh yang dilarang untuk ditiru seperti aspek berhias, berkelakuan, berjalan, berpakaian dan lain-lain. Takrifan menurut al-Munawi (1408H) dilihat lebih mudah untuk difahami khususnya bagi orang awam berikutan ianya bersifat jelas dan nyata tanpa sebarang unsur tersirat dan tersembunyi. Sama juga halnya dengan definisi tashabbuh dari sudut kontemporari dan semasa yang turut mengkhususkan aspek-aspek yang dilarang untuk ditiru dan diikuti secara terus.

Menyentuh mengenai amalan bridal shower, ianya amat berkait rapat dengan isu tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat. Hal ini kerana, amalan ini pada mulanya berasal dari negara barat dan dipraktikkan oleh orang barat di awal kemunculannya. Asasnya, jika diperhatikan di dalam adat perkahwinan Melayu turun temurun, terdapat beberapa acara atau majlis yang dilangsungkan sebelum tibanya hari perkahwinan, namun tidak terdapat sebarang sambutan atau majlis khusus yang diadakan bagi meraikan bakal pengantin perempuan sebagaimana amalan bridal shower. Menurut adat Melayu, sesebuah ikatan perkahwinan lazimnya diawali dengan adat merisik atau meninjau (Ahmad Firdaus, 2020). Menerusi proses ini, seorang wakil dilantik bagi mendapatkan maklumat mengenai wanita yang hendak dikahwininya sama ada perempuan itu telah berpunya atau belum. Setelah itu, diteruskan pula dengan adat merasi iaitu sebuah amalan turun temurun dalam masyarakat yang diadakan bagi mengetahui sama ada kedua-dua bakal pasangan sesuai atau tidak (Amran Kasimin, 1995). Namun, adat ini semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

Kemudian, apabila kedua-dua belah pihak saling menyukai antara satu sama lain serta bersetuju, maka dilanjutkan pula pada adat yang seterusnya iaitu melamar dan bertunang. Setelah selesai upacara tersebut, keluarga kedua-dua belah pihak akan menjemput sanak-

saudara dan rakan-rakan untuk hadir ke majlis perkahwinan yang bakal berlangsung. Berikut merupakan beberapa adat yang dilakukan oleh orang Melayu sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan. Secara jelasnya, dapat dibuktikan bahawa amalan bridal shower atau yang seumpama dengannya bukanlah amalan tradisi masyarakat Melayu menjelang perkahwinan.

Seterusnya, wujud unsur tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat di dalam amalan bridal shower yang dipraktikkan di barat dari segi bentuk dan konsep penganjuran sesebuah majlis bridal shower. Kepelbagaiannya bentuk dan konsep penganjuran bridal shower di barat turut memberi kesan kepada sebilangan masyarakat Melayu yang mula mempelbagaikan bentuk penganjuran bridal shower. Antara konsep yang pernah menjadi pilihan masyarakat Melayu ialah parti buih atau jamuan di tempat-tempat yang pelbagai seperti hotel, restoran dan lain-lain (Amri Hassan, 2018). Selanjutnya, aspek tashabbuh dapat dikesan melalui konsep penganjuran bridal shower di Malaysia yang kelihatan seakan-akan di barat. Majlis bridal shower yang dipraktikkan di barat dilengkapi dengan pengisian berbentuk aktiviti-aktiviti seperti permainan ‘game’ yang melibatkan bakal pengantin perempuan yang diraikan dan para tetamu jemputan serta upacara memberi dan membuka hadiah seterusnya menjamah makanan bersama sambil berbicara mengenai alam perkahwinan. Begitu jugalah penganjuran bridal shower di Malaysia.

Justeru, wajarlah untuk mengatakan bahawa wujudnya isu tashabbuh di dalam pengamalan bridal shower dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, amalan bridal shower sama sekali bukanlah tradisi masyarakat Melayu turun-temurun bahkan ianya merupakan budaya barat yang mula diamalkan di Belanda sekitar abad ke-16 (Montemurro, 2005). Tambahan itu, perbincangan mengenai isu ini bertambah kritikal apabila wujud beberapa dalil yang mengkategorikan apa-apa bentuk peniruan dan penyerupaan terhadap orang bukan Islam bererti seseorang itu termasuk sebahagian daripada orang bukan Islam. Secara tidak langsung, dapat difahami secara literalnya bahawa Islam melarang umatnya daripada menyerupai orang bukan Islam dalam apa juar aspek.

ANALISIS ISU TASHABBUH (PENYERUPAAN) TERHADAP BUDAYA BARAT

Perbahasan mengenai isu tashabbuh sudah pun meluas di Malaysia. Ia bukan lagi suatu isu asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Jika dihitung, terlalu banyak perkara yang ditiru dari budaya luar yang kemudiannya dibawa masuk ke dalam budaya masyarakat Melayu. Misalnya, sambutan Hari Valentine yang turut diraikan oleh sebahagian masyarakat Melayu hasil dari peniruan dan penyerupaan terhadap budaya barat. Selain itu, turut terdapat segelintir masyarakat Melayu mengenakan pakaian Santa Claus pada musim perayaan Krismas. Begitu juga dengan pemasangan pelita pada setiap kali menjelang bulan Ramadan dan musim perayaan Aidilfitri oleh umat Islam yang ditiru dari masyarakat beragama Hindu. Secara umumnya, perilaku umat Islam yang meniru dan menyerupai amalan orang bukan Islam adalah dilarang (Mohd Anuar et al., 2013). Hal ini disebutkan di dalam beberapa firman Allah SWT sebagaimana berikut:

Surah al-Baqarah ayat 104:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَعِيْنَا وَقُولُوا أَنْظَرْنَا وَأَسْمَعُوا وَلِلْكُفَّارِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ۖ

Terjemahan: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu katakan (kepada Muhammad): "raa'ina", tetapi katakanlah: "unzhurna", dan "dengarlah". Dan bagi orang-orang yang kafir seksaan yang pedih.

Ayat di atas menyebutkan bahawa Allah SWT melarang sebarang bentuk penyerupaan terhadap perbuatan dan percakapan orang-orang kafir (Ibn Kathir, 1999).

Surah Ali-'Imran ayat 156:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا لِإِخْرَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أُوْ كَانُوا عَزَّى لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَأْتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَلِكَ حَسَرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحِبُّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ^{۱۵۶}

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu seperti orang-orang kafir (orang-orang munafik) itu, yang mengatakan kepada saudara-saudara mereka apabila mereka mengadakan perjalanan di muka bumi atau mereka berperang: "Kalau mereka tetap bersama-sama kita tentulah mereka tidak mati dan tidak dibunuh." akibat (dari perkataan dan keyakinan mereka) yang demikian itu, Allah menimbulkan rasa penyesalan yang sangat di dalam hati mereka. Allah menghidupkan dan mematikan. dan Allah melihat apa yang kamu kerjakan.

Di dalam ayat tersebut, Allah SWT melarang hamba-hambaNya dari kalangan orang yang beriman daripada mengikuti dan menyerupai orang-orang kafir pada kepercayaan dan iktikadnya yang fasid (Ibn Kathir, 1999). Seterusnya, isu tashabbuh (penyerupaan) turut disebutkan di dalam beberapa hadis. Antaranya hadis yang diriwayatkan dari Ibn Umar, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Terjemahan: Barang siapa menyerupai suatu kaum maka ia termasuk sebahagian daripada mereka. (Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, no. hadis 4031)

Secara literalnya, hadis ini bersifat umum yang merangkumi segala bentuk penyerupaan terhadap orang bukan Islam. Illah pengharamannya adalah kerana wujud elemen tashabbuh (penyerupaan) di antara amalan yang dipraktikkan oleh orang bukan Islam dan orang Islam (Mohd Farhan et al., 2014). Menurut al-San'ani (2011), lafaz "man tashabbaha bi qaumin"

bermaksud menyerupai orang bukan Islam secara zahir sama ada dalam berpakaian atau berperilaku manakala “fahuwa minhum” pula bermaksud termasuk sebahagian daripada mereka. Sekiranya golongan tersebut daripada golongan yang baik, maka ia termasuk dalam golongan yang baik. Namun, sekiranya golongan tersebut merupakan golongan yang tidak baik, maka ia termasuk sebahagian daripada mereka.

Di sebalik hadis yang bersifat umum, terdapat beberapa hadis yang menyentuh secara khusus akan larangan menyerupai dan meniru orang bukan Islam dalam aspek ibadat dan adat, tingkah laku dan kelakuan, perayaan, pemakaian dan lain-lain. Misalnya, terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyeru agar umat Islam membezakan amalan ibadat yang dipraktikkan daripada menyerupai orang Yahudi. Sabda Nabi Muhammad SAW agar membezakan ibadat yang dilakukan oleh orang bukan Islam dengan orang Islam:

صوموا يوم عاشوراء وخالفوا اليهود صوموا قبله يوماً وبعده يوماً

Terjemahan: Berpuasalah kamu 10 Muharram dan berbezalah dengan orang Yahudi. Puasalah kamu sebelum dan selepasnya sehari. (Ibn Khuzaimah, Sahih Ibn Khuzaimah, no. hadis 2095)

Hadis tersebut adalah mengenai amalan berpuasa pada 10 Muharram atau disebut sebagai hari Asyura yang masing-masing diamalkan oleh orang Islam dan juga orang Yahudi. Justeru, bagi membezakan antara amalan orang Islam dan orang Yahudi, Rasulullah SAW memerintahkan agar orang Islam melebihkan puasa sama ada sebelum atau selepas 10 Muharram. Hal ini bertujuan mengelakkan orang Islam daripada menyerupai amalan orang Yahudi yang hanya berpuasa pada hari Asyura.

Begitu juga dengan hadis mengenai amalan bersahur yang dituntut ke atas umat Islam sebagaimana yang diriwayatkan dari ‘Amru bin Al-‘As, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

فصل ما بين صيامنا وصيام أهل الكتاب أكلة السحر

Terjemahan: Perbezaan antara puasa kita dan puasa ahli kitab adalah bersahur. (Muslim, Sahih Muslim, no. hadis 1096).

Hadis berkenaan menyebutkan suruhan agar bersahur bagi mewujudkan kelainan di antara ibadat puasa yang dilaksanakan oleh orang Islam dan orang bukan Islam. Selain itu, terdapat beberapa hadis lain yang menggesa umat Islam agar membezakan perbuatan dan amalan daripada orang bukan Islam. Hal ini agar umat Islam terhindar daripada unsur tashabbuh (penyerupaan) dengan golongan tersebut. Misalnya, sabda Rasulullah SAW:

خالفوا المشركين أحفوا الشوارب وأوفوا للحج

Terjemahan: Berbezalah dengan orang musyrikin. Potonglah misai dan biarkanlah janggut. (Muslim, Sahih Muslim, no. hadis 259.)

Hadis di atas menyebutkan suruhan Rasulullah SAW agar memelihara janggut serta menipiskan misai bagi membezakannya dengan amalan orang kafir yang memotong atau menghilangkan janggut serta menyimpan misai. Perbuatan golongan kafir tersebut jelas sekali berlawanan dengan suruhan Rasulullah SAW. Bahkan, tindakan menyimpan misai bertentangan dengan perbuatan dan juga suruhan Rasulullah SAW agar menyimpan janggut dan memotong misai yang merupakan salah satu perbuatan orang musyrik.

Seterusnya, terdapat hadis yang melarang perbuatan menyerupai pakaian orang-orang kafir sebagaimana berikut:

لَا تلبسو الْحَرِيرَ وَلَا الدِّيَاجَ وَلَا تُشْرِبُوا فِي أَنْيَةِ الْذَّهَبِ وَالْفَضَّةِ، وَلَا تَأْكُلُوا فِي صَحَافِهَا، فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَكُمْ فِي الْآخِرَةِ.

Terjemahan: Janganlah kalian memakai pakaian yang terbuat dari sutera halus dan sutera kasar, dan janganlah kalian semua meminum dalam wadah yang terbuat dari emas dan perak, karena sesungguhnya barang-barang tersebut untuk mereka (orang-orang kafir) di dunia dan untuk kamu (orang-orang mukmin) di akhirat. (Bukhari, Sahih Bukhari, no. hadis 5426)

Hadis berkenaan menerangkan larangan memakai sutera bagi umat Islam kerana ianya merupakan pakaian orang bukan Islam di dunia (Asyraf bin ‘Abd al-Hamid Barqa’an, 1417H). Turut dinyatakan di dalam hadis bahawa sutera merupakan pakaian di akhirat kelak bagi umat Islam sejagat. Hal ini berbeza dengan orang bukan Islam yang menjadikan sutera sebagai pakaian di dunia.

Berdasarkan penerangan dari beberapa petikan ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menyentuh mengenai unsur tashabbuh (penyerupaan) terhadap orang bukan Islam, dapat disimpulkan bahawa terdapat ketegasan yang menyuruh meninggalkan perbuatan yang menyerupai golongan bukan Islam serta berusaha membezakan antara amalan orang Islam dan bukan Islam.

Walaupun begitu, dalam membahaskan mengenai isu tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat, jika hanya ditafsirkan dan dihukumkan menurut hadis yang masyhur mengenai tashabbuh iaitu hadis yang bermaksud “Barang siapa menyerupai suatu kaum maka ia termasuk sebahagian dari mereka”, maka dapat difahami bahawa segala bentuk penyerupaan terhadap sesuatu kaum adalah diharamkan tanpa mengira sama ada penyerupaan terhadap budaya, tingkah laku masyarakat, pemakaian, perayaan dan lain-lain. Secara mudahnya, hadis tersebut membawa maksud segala bentuk penyerupaan terhadap amalan dan tingkah laku orang bukan Islam adalah diharamkan. Hal ini kerana, hadis tersebut bersifat umum dan tidak mengkhususkan kepada mana-mana bentuk penyerupaan yang dilarang (Ibn Taimiyyah, 2001). Dalam pada itu, tindakan menghukumkan sesuatu bentuk tashabbuh (penyerupaan) dengan hanya berpandukan hadis umum tersebut adalah tidak wajar tanpa membuat pertimbangan dan penelitian secara meluas terlebih dahulu. Penelitian dan pemakaian hadis ini secara tidak langsung akan bercanggahan dengan tindakan Nabi Muhammad SAW yang pernah meniru strategi orang bukan Islam. Hal ini berdasarkan peristiwa Nabi Muhammad SAW mengaplikasikan teknologi mengorek parit ketika perang Khandak yang pada hakikatnya merupakan idea orang bukan Islam di Parsi (Mohd Anuar et al., 2014). Di samping itu, Nabi

Muhammad SAW pernah mengenakan alas kaki yang diperbuat oleh orang bukan Islam ('Abd al-Majid Ta'mah Halabi, 2000). Peristiwa ini menjadi hujah bahawa tidak kesemua perkara yang diadaptasi dari praktik bukan Islam adalah diharamkan semata-mata. Begitu juga, jika diperhatikan akan corak berpakaian masyarakat Melayu yang mengenakan kot, tali leher dan sebagainya yang diperkenalkan oleh orang barat. Walhal, masyarakat Melayu pada asalnya hanya sinonim dengan pelikat dan sarung (Nik Roskiman, 2015).

Tindakan ini juga memperlihatkan bahawa sekiranya bentuk penyerupaan tersebut bukanlah pada amalan yang hanya dikhkususkan kepada orang bukan Islam sahaja, maka tidaklah salah untuk menyerupai dan meniru perbuatan orang bukan Islam dengan tujuan untuk mencapai maslahah dan mendapat kebaikan sebagaimana tindakan Nabi Muhammad SAW yang meniru strategi peperangan barat untuk diaplikasikan ketika perang Khandak. Hal ini jelas membuktikan bahawa aspek penyerupaan terhadap perbuatan orang bukan Islam tidaklah diharamkan sepenuhnya melainkan jika perbuatan yang ditiru itu merupakan amalan yang dikhkususkan kepada orang bukan Islam sahaja. Maka dalam hal ini, hukumnya adalah haram sama sekali.

Melihat kepada keumuman maksud hadis tersebut, Imam Ibn Hajar al-Haythami (t.t.) menjelaskan bahawa penyerupaan terhadap orang bukan Islam adalah terbahagi kepada tiga pandangan hukum. Pertama, haram menyerupai orang bukan Islam apabila terdapat unsur reda dengan kekufturan mereka. Kedua, haram dan berdosa sekiranya terdapat unsur menaikkan pegangan serta syiar agama bukan Islam walaupun tidak disertai reda dengan kekufturan mereka. Ketiga, harus sekiranya tidak disertai niat untuk menyerupai golongan bukan Islam. Secara ringkasnya, dalam hal ini, Imam Ibn Hajar al-Haythami (t.t.) merumuskan dua hukum sama ada haram atau harus. Penyerupaan terhadap amalan khusus serta yang boleh meninggikan syiar agama orang bukan Islam adalah haram. Manakala, penyerupaan terhadap amalan yang tidak dikhkususkan dan tiada hubung kait dengan agama orang bukan Islam pula adalah diharuskan. Justeru itu, berdasarkan pandangan ini, penganjuran bridal shower oleh segelintir masyarakat Melayu tidak boleh dihukumkan haram berikutan amalan tersebut bukanlah amalan yang dikhkususkan kepada orang bukan Islam. Sebaliknya, ia adalah harus jika diamalkan tanpa sebarang niat untuk menyerupai golongan bukan Islam sama sekali.

Seterusnya, menyentuh mengenai isu tashabbuh (penyerupaan), Ibn Taymiyyah (2001) turut menghuraikan pandangan beliau terhadap isu ini. Beliau mengkategorikan tashabbuh kepada dua bahagian. Pertama, sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh orang Islam dan dalam masa yang sama mengetahui bahawa perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang dikhkususkan kepada orang kafir. Dalam hal ini, amalan tashabbuh kepada bentuk perbuatan tersebut adalah diharamkan tanpa melihat kepada tujuan pelaku sama ada berniat untuk menyerupai atau tidak. Kedua, sesuatu perbuatan yang dilakukan tanpa mengetahui hakikat amalan tersebut sama ada ia merupakan amalan khusus bagi orang bukan Islam atau tidak (Ibn Taimiyyah, 2001). Dalam hal ini, hukumnya adalah haram sekiranya amalan tersebut merupakan amalan asal orang bukan Islam walaupun telah diubahsuai mengikut perubahan masa, tempat serta tatacara pelaksanaannya. Menurut Ibn Taymiyyah (2001), amalan tashabbuh bentuk inilah yang banyak dilakukan oleh masyarakat awam. Misalnya, perayaan Krismas yang turut dirai oleh masyarakat pada hari ini tanpa mengetahui asal usul di sebalik perayaan Krismas tersebut. Dalam hal ini, hukumnya adalah sebagaimana kategori pertama. Namun begitu, sekiranya amalan tersebut bukanlah amalan asal orang bukan Islam namun mereka turut

melakukan perbuatan ini. Maka, hukumnya adalah di antara makruh atau haram bergantung kepada dalil-dalil syarak yang menentukannya. Oleh itu disunatkan ke atas orang Islam untuk tidak melakukan perbuatan yang menyerupai orang bukan Islam bagi mewujudkan perbezaan di antara orang Islam dan orang bukan Islam. Hal ini sebagaimana suruhan Nabi Muhammad SAW agar menggunakan inai di janggut dan membolehkan memakai selipar ketika di dalam solat dan sujud. Perbuatan tashabbuh dalam kategori ini juga terkadang boleh membawa kepada hukum makruh seperti hukum melewatkhan berbuka puasa dan solat maghrib.

Justeru, melihat kepada pandangan yang dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah, dapat disimpulkan juga bahawa haram wujud sebarang bentuk penyerupaan dengan golongan bukan Islam tersebut jika amalan itu sememangnya dikhkususkan hanya kepada orang bukan Islam. Hal ini kerana, amalan tersebut berkemungkinan berhubung kait dengan akidah serta mempunyai makna tersirat dan falsafah di sebalik penganjuran tersebut. Sama halnya seperti agama Islam yang juga turut mempunyai amalan yang hanya dikhkususkan kepada umat Islam sahaja seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, melaksanakan ibadat korban, haji dan lain-lain. Di sebalik setiap satu pelaksanaan ibadat tersebut, sudah pasti mempunyai maksud disebaliknya. Maka, begitu juga bagi golongan bukan Islam, setiap sesuatu yang dilakukan pasti tersirat maksud di sebaliknya.

‘Kedua, tindakan menyerupai orang bukan Islam boleh dihukumkan sebagai makruh sekiranya amalan berkenaan merupakan amalan yang tidak dikhkususkan kepada golongan bukan Islam namun turut dilakukan oleh golongan tersebut. Dalam keadaan ini, dibolehkan untuk menyerupai amalan golongan bukan Islam namun kesannya tidak wujud perbezaan di antara amalan yang dilakukan oleh umat Islam dengan amalan yang dilakukan oleh golongan bukan Islam. Misalnya, perbuatan membiarkan uban memutih di kepala, mempunyai misai, solat dalam keadaan tidak memakai kasut, puasa tanpa bersahur (berkemungkinan tidak sengaja atau telah berniat sebelum tidur) dan dibolehkan melambatkan berbuka sekiranya terdapat masyaqqah. Perlakuan terhadap amalan-amalan berkenaan tidaklah bersifat haram sepenuhnya atau dilarang melakukannya.

‘Jika dikaitkan isu tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat di dalam pengamalan bridal shower menurut konsep tashabbuh menurut Ibn Taymiyyah, penulis mendapati bahawa amalan ini termasuk di bawah kategori kedua iaitu amalan yang pada asalnya dicontohi dari perlakuan orang bukan Islam namun pelaksanaannya telah diubah suai dan tidak seratus sama dengan orang bukan Islam. Oleh itu, dalam hal ini, hukum menganjurkan majlis bridal shower adalah haram walaupun setelah mengalami beberapa perubahan dan pengubahsuaian dari segi tempat, masa dan cara pelaksanaannya. Hal ini kerana, amalan bridal shower pada asalnya diambil dan ditiru dari perlakuan orang bukan Islam. Walau bagaimanapun, tindakan menghukumkan penganjuran bridal shower yang dianjurkan oleh segelintir masyarakat pada masa kini berdasarkan pandangan Ibn Taymiyyah adalah tidak bersesuaian lantaran perubahan zaman dan persekitaran kehidupan pada masa kini adalah berbeza jika dibandingkan dengan persekitaran hidup beliau dahulu.

‘Di samping itu, antara ulama’ seperti Ibn Nujaim al-Hanafi (1997) turut membahaskan mengenai isu tashabbuh (penyerupaan) terhadap orang bukan Islam. Menurut beliau, tindakan menyerupai golongan ahli kitab iaitu Yahudi dan Nasrani tidaklah makruh dalam semua hal. Misalnya, dalam perbuatan makan dan minum yang dilakukan oleh orang Islam dan dalam masa yang sama ia turut dilakukan oleh orang bukan Islam. Namun, perbuatan tersebut tidaklah

dihukumkan haram atas sebab menyerupai perbuatan orang bukan Islam. Tambah Ibn Nujaim, tashabbuh yang haram adalah dalam perbuatan yang memang tercela dan perbuatan yang memang bertujuan untuk menyerupai golongan bukan Islam. Justeru, dapat difahami bahawa aspek penyerupaan yang dilarang oleh Ibn Nujaim adalah tindakan meniru dalam melakukan perbuatan yang buruk serta melakukan sesuatu yang ditiru dengan disertai niat untuk meniru orang-orang kafir.

Berdasarkan pandangan yang dipetik dari Imam Ibn Nujaim, dapat dirumuskan bahawa amalan bridal shower tidaklah termasuk di bawah pengelasan tashabbuh (penyerupaan) yang diharamkan sekiranya pihak yang menganjurkannya tidak bertujuan untuk meniru perbuatan orang bukan Islam semata-mata serta sebarang perbuatan yang bercanggahan dengan syariat Islam sepanjang penganjurannya hendaklah dijauhi. Justeru, dalam isu ini, terdapat ruang untuk menyerupai tindakan atau perbuatan kaum lain, namun ia hendaklah bukan pada amalan yang dikhkususkan kepada orang bukan Islam. Bagi mengelakkan ianya dilabel tashabbuh, terdapat beberapa inisiatif yang boleh diambil dengan melakukan perubahan atau pengubahsuaian terhadap sesuatu amalan yang ditiru. Tidak lain dan tidak bukan bagi mewujudkan perbezaan di antara amalan orang Islam dan bukan Islam. Hal ini pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW berkenaan amalan berpuasa pada hari ‘Asyura (Asyraf bin ‘Abd al-Hamid Barqa’an, 1417H).

Jelasnya, menghukumkan sebarang bentuk penyerupaan terhadap budaya dan amalan orang bukan Islam sebagai haram sebagaimana mafhum hadis “Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia sebahagian daripada mereka” adalah tidak tepat sama sekali. Walaupun secara literalnya, tafsiran dan syarah hadis tersebut menjelaskan sedemikian rupa. Namun, dalam merumuskan hukum terhadap mana-mana bentuk penyerupaan terhadap orang bukan Islam hendaklah diteliti sama ada amalan tersebut termasuk di dalam amalan yang khusus atau tidak. Sekiranya ia adalah amalan khusus bagi orang bukan Islam, maka hukumnya adalah haram sama sekali kerana melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sebaliknya, jika amalan tersebut bukanlah amalan yang dikhkususkan kepada orang bukan Islam, maka hukumnya adalah harus sekiranya ia tidak bertentang dengan landasan hukum syarak.

KESIMPULAN

Tuntasnya, penganjuran amalan bridal shower oleh segelintir masyarakat di Malaysia didapati tidak termasuk dalam kategori tashabbuh (penyerupaan) yang dilarang ekoran amalan ini bukanlah amalan yang dikhkususkan kepada orang bukan Islam sahaja. Walaupun orang barat merupakan pelopor bagi amalan ini. Hal ini selaras dengan pandangan mantan Mufti Wilayah Persekutuan (2018), yang menegaskan bahawa amalan bridal shower bukanlah syiar mana-mana agama namun ia hanyalah amalan yang dipraktikkan oleh kumpulan tertentu. Justeru, terdapat ruang untuk meniru penganjuran amalan tersebut. Namun, disyaratkan agar tidak bertujuan untuk meniru perbuatan orang bukan Islam semata-mata, sebaliknya objektif dan pengisian majlis tersebut tidak mempunyai unsur yang bertentangan dengan landasan syariat Islam. Jelasnya, ketiadaan unsur tashabbuh (penyerupaan) terhadap budaya barat di dalam amalan bridal shower tidak menunjukkan keharusan penganjurannya secara mutlak. Penelitian terhadap aspek-aspek lain masih perlu dilakukan bagi memastikan penganjurannya selaras

dengan norma hukum Islam dan maqasid perkahwinan dalam Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karim Zaidan. 1993. *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim fi as-Shari’ah al-Islamiyyah*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Ahmad Faris. 1411H. *Mu’jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Ahmad Firdaus Bin Nordin. 2020. "Adat Tebus Pelamin Dalam Majlis Perkahwinan Asyarakat Melayu Johor Dari Perspektif Islam", Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Amran Kasimin. 1995. *Istiadat Perkahwinan Melayu Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amri Hassan. (30 Mac 2018). "Bestnya! Bridal Shower & Parti Buih Dynas Mokhtar Sebelum Kembali Bergelar Isteri" laman sesawang Astro Gempak, dicapai pada 28 Mac 2020, <http://www.gempak.com/artikel/8901/bestnya-bridal-shower-parti-buih-dynas-mokhtar-sebelum-kembali-bergelar-isteri>
- Ashraf bin ‘Abd al-Hamid Barqa’an. 1417H. “Mazahir al-Tashabbuh fi al-‘Asr al-Hadith wa Atharuha ‘ala al-Muslimin”, Disertasi sarjana, Universiti Umm al-Qura.
- Berardo, F.M. & Vera, H. 1981. “The Groomal Shower: A Variation of the American Bridal Shower”, *Family Relations*, 30, 3.
- Collins Dictionary, “Definition of Shower”, laman sesawang Collins, dicapai pada 28 Mac 2020, <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/shower>
- Febriana, M., et al., 2019. “Bridal Shower Phenomenon Among Women In Surakarta City (A Phenomenological Study on Consumptive Behavior due to Globalization Current), *International Journal of Education and Social Science Research*, 2(3), 25-30.
- Haryono, B., et al. 2020. “Social Exchange: Reward and Punishment In Bridal Shower”, *International Journal of Education and Social Science Research*, 3(4), 152-157.
- Hasbi Muh. Ali. 2013. “Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita: Kajian di Tawau, Sabah”, Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Ibn ‘Abidin. 2000. *Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar Hashiyah Ibn ‘Abidin*, Beirut: Dar al-Makrifah.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Ismail Ibn ‘Umar al-Qurashi al-Dimashqi. 1999. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Nujaim ‘Ibn ‘Abidin. 1997. *Bahr al-Ra’iq Sharh Kanz al-Daqa’iq*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taimiyyah. 2001. *Iqtida’ al-Sirat al-Mustaqim li Mukhalafah Ashab al-Jahim*, Nasir bin `Abd al-Karim (tahqiq). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Jenkins, J. 2000. *The Everything Wedding Shower Book: Thrill the Bride and Amaze the Guests with A Celebration to Remember*, Kanada: Adams Media Corporation.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, “Carian Umum –Bridal”, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 28 Mac 2020 [ttp://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perkahwinan&d=158212](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perkahwinan&d=158212)
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan, “Carian Umum- Bridal Shower”, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai pada 28 Mac 2020, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bridal&d=69812>

- Mohd Anuar Ramli et al., 2013. "Fenomena al-Tasyabbuh (Penyerupaan) dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 21(1), 21-42
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Ahmad Badri Abdullah. 2014. "Pemakaian Kaedah Fiqh Dalam Isu Penyerupaan (Al-Tasyabbuh) Dengan Orang Bukan Islam Dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Malaysia", *Jurnal Fiqh* 11, 1-28.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al., 2014. "Larangan Tasyabbuh Dan Aplikasinya Dalam Interaksi Sosial Dengan Orang Bukan Islam Di Malaysia Masa Kini", Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam IV.
- Montemurro, B. 2002. "You Go Cause You Have to": The Bridal Shower as a Ritual of Obligation", *Symbolic Interaction* 25(1), 67-92.
- Montemurro, B. 2005. "Add Men, Don't Stir: Reproducing Traditional Gender Roles in Modern Wedding Showers", *Journal of Contemporary Ethnography* 34(1), 6-35.
- Al-Munawi, Muhammad `Abd al-Ra'uf, 1408H. *Faidh al-Qadir sharh Jami' al-Saghir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Naomi Njonjo. 2013. "Socializing Women into Marital Responsibilities: The Emerging Phenomena of Bachelorrette Parties Among Educated Young Women in Nairobi", Disertasi Sarjana, University of Nairobi.
- Nik Roskiman Abdul Samad, (28 Julai 2015) "Kongsi budaya bukan makna tunduk kepada kekufturan", laman sesawang Berita Harian Online, dicapai pada 28 Mac 2020, <https://www.bharian.com.my/node/70532>
- Norhuda Salleh. 2017. "Ritual dan Simbol Dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor", Tesis kedoktoran, Universiti Malaya.
- Oldenburg, V.T. 2002. *Dowry Murder The Imperial Origins of a Cultural Crime*, Oxford: University Press.
- Paizah Ismail, Mohd Anuar Ramli dan Ahmad Badri Abdullah. 2013. "Pengenalpastian Elemen al-Tasyabbuh (penyerupaan) Dalam Budaya Perkahwinan Masyarakat Islam Kontemporari Dalam Rangka Mempertahankan Sunnah Nabawiyyah" kertas kerja Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah : Realiti Dan Cabaran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Raghib al-Asfahani. 2009. *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-San'ani, Muhammad Ibn Ismail al-Amir. 2011. *Al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir, Tahqiq: Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim*, Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Syh Noorul Madihah Binti Syed Husin. 2017. "Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah", Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Wagner, T.D. 2015. "Till Death Do Us Part? A Study of American Wedding Rituals and Marital Outcomes", Tesis, California State University, San Bernardino.
- Wardah Ghamam 'Ali. 2015. "al-Tashabbuh al-Manhiyy 'Anhu fi Fiqh al-Islami", Disertasi Sarjana, Université Echahid Hamma Lakhdar.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (20 November 2018) "Hukum Bridal Shower Atau Bachelor Party", laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 28 Mac 2020, <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2785-al-kafi-909-hukum-bridal-shower-atau-bachelor-party>.